

BAB 4

ARCA-ARCA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEAGAMAAN DI LEMBAH BUJANG

4.1 Pengenalan

Arca yang berhubungan dengan keagamaan yang terdapat di Lembah Bujang dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu arca yang berpengaruh unsur keagamaan Hindu dan keduanya arca keagamaan yang mempunyai unsur Buddha. Di dalam pembahasan bab ini tumpuan arca berunsur keagamaan tidak hanya dimaksudkan berhubungan dengan arca dewa semata-mata tetapi meliputi juga arca yang berhubungan secara keseluruhannya terhadap sesuatu keagamaan tersebut sama ada ianya berunsur Hindu atau pun Buddha. Tinjauan ini adalah perlu untuk melihat sejauh mana peranan dan juga penerimaan masyarakat tempatan sekitar Lembah Bujang (Kedah Tua) dalam erti kata sebenarnya sewaktu kedatangan pengaruh Hindu-Buddha di Kedah Tua.

Arca¹ dapat diertikan sebagai sebahagian daripada ciri simbol yang diwujudkan oleh manusia sebagai pelepasan dari jiwa mereka dan diberikan dengan berbagai *atribut*² tertentu sehingga antara setiap arca apabila diperbandingkan akan berbeza dengan arca yang lainnya.³ Arca yang berkaitan dengan keagamaan perlu dibuat klasifikasi memandangkan ianya merupakan arca yang bersifat sakral (suci). Berdasarkan kepada arca tertentu masing-masing

¹ Arca merupakan image yang dibentuk oleh manusia sebagai perlambangan kepada dewa dan disembah untuk tujuan keselamatan. Arca yang digunakan untuk tujuan keagamaan dianggap suci. Di dalam ajaran Hindu dewa utama terdiri daripada dewa Brahma, dewa Wisnu dan dewa Siwa. Arca dewa diiringi dengan peralatan perhiasan kedewaan seperti *jatamahkota*, atribut senjata, posisi *mudra*, posisi *asana* dan *vahana*. Di Lembah Bujang kebanyakan arca dewa Hindu dan Buddha dipahat dengan menggunakan batu ataupun *terracota*.

² Atribut kebiasaannya dirujukkan kepada ciri-ciri yang dimiliki oleh sesebuah arca dewa. Ciri-ciri daripada atribut inilah yang membezakan diantara satu arca dewa dengan arca dewa lainnya.

³ Raymond Firth, *Symbol public and private*, Oxford : Alden Press, 1973, hlm. 75.

mempunyai kedudukan tersendiri di dalam susun atur bangunan candi. Untuk arca keagamaan yang telah dijumpai di Lembah Bujang tumpuan akan diberikan kepada arca dewa, arca *vahana*⁴, arca *sakhti*⁵ dan juga arca yang mempunyai unsur mitologi.

4.2 Arca Dewa Utama Di dalam Ajaran Hindu

Di dalam ajaran Hindu arca dewa yang utama dibahagikan kepada tiga yang utama iaitu arca dewa Brahma, arca dewa Wisnu dan arca dewa Siwa.

4.2.1 Dewa Brahma

Dewa Brahma dikenali sebagai dewa pencipta. Berdasarkan kepada mitologi India klasik, dewa Brahma dilahirkan daripada bunga teratai yang keluar daripada pusat dewa Wisnu. Berdasarkan kepada bentuk fizikal, dewa Brahma digambarkan mempunyai empat kepala. Walau bagaimanapun dewa Brahma pada asalnya digambar mempunyai lima kepala.⁶ Kepala bahagian atas dewa Brahma dikatakan telah menimbulkan kemarahan kepada dewa Siwa kerana memandang rendah akan kemampuan dewa Siwa. Ekoran daripada hal yang sedemikian telah menyebabkan dewa Siwa bertindak sehingga beliau memenggal kepala dewa Brahma yang berada di bahagian atas.⁷ Berdasarkan kepada kisah berkenaan sehingga ke hari ini dewa Brahma sering digambarkan mempunyai kepala empat

⁴ Arca *vahana* merupakan haiwan tunggangan yang digunakan oleh para dewa dan selalunya dipahat bersama-sama dengan dewa. Sebagai contohnya di dalam ajaran Hindu *vahana* untuk dewa Brahma adalah *hamsa*, *padma* (*pitha*), dewa Wisnu *vahananya* adalah *garuda* dan *ananta* sementara *vahana* untuk dewa Siwa adalah *Nandi*.

⁵ *Sakhti* adalah isteri kepada para dewa. Dewa Brahma *sakhtinya* adalah Aditi, Sarasvati dan Gayatri, sakhti kepada dewa Wisnu adalah Laskmi, Bhumi dan Niladevi sementara *sakhti* untuk dewa Siwa adalah Parvati. Sementara Durga merupakan salah satu daripada *sakhti* dewa Siwa juga.

⁶ *Sari Filsafat India*, (Tanpa nama pengarang, cetakan dan tahun) hlm. 39 - 40.

⁷ W. Ward, *A view of history, literature and religious of Hindoos* (vol. I), London : East India Company, Leadenhall-Street, 1817, hlm. 35.

ataupun digambarkan dengan mempunyai empat wajah. Keempat-empat wajah beliau menggambarkan keempat Weda. Sehubungan dengan hal tersebut arca dewa Brahma juga sering digambarkan mempunyai empat lengan yang juga menggambarkan empat arah mata angin, salah satu daripada tangannya memegang *aksamala* yang juga melambangkan perjalanan waktu dan pada tangan yang lainnya memegang *kamandhalu*.⁸

4.2.2 Dewa Wisnu

Dewa Wisnu juga dikenali sebagai dewa pemeliharaan. Di dalam mitologi India klasik dewa Wisnu setelah mencipta dunia ini beliau telah tinggal di syurga yang bernama Voikoont'hu.

*"... This heaven, called Voikoont'hu, is entirely of gold, and is eighty thousand miles in circumference "*⁹

Sebagai dewa pemelihara, dewa Wisnu sering kali meninggalkan syurga untuk menyelamatkan dunia daripada kejahanatan yang sering ditimbulkan oleh *kala*. Di antara kisah perwujudan dewa Wisnu di dalam menyelamatkan dunia adalah sewaktu para dewa hampir tumpas ketika menentang roh jahat di dalam *Samudera Manthana*. Dewa Wisnu telah ditugaskan untuk mendapatkan *amrta*¹⁰ yang juga merupakan air kehidupan yang dapat mengekalkan para dewa sentiasa muda untuk menentang raksasa yang wujud sebagai roh jahat. Untuk melaksanakan tugas yang sedemikian dewa Wisnu telah wujud sebagai perwujudan seekor kura-kura yang

⁸ van Lohuizen-De Leeuw, *op.cit.*, hlm. 46.

⁹ Ward, *op.cit.*, hlm. 12.

¹⁰ Di dalam Tantu Panggelaran air yang keluar pertamanya adalah air beracun yang mengakibatkan kematian para dewa dan lainnya. Kemudiannya air beracun (*Kalakuta*) diubah oleh Bhatar Guru menjadi *amrta* yang dimasukkan ke dalam kendi (*Kamandhalu*). Kemudian *amrta* tersebut dicuri para *asura*, tetapi Wisnu berhasil mendapatkan kembali setelah ia membunuh dengan cakranya, dikutip daripada tulisan P.E.J Ferdinandus, "Wisnu di atas Garuda dari Trawas sebagai arca pancuran", *Pertemuan Ilmiah Arekologi III, Ciloto, 23-28 Mei 1983*, Jakarta : Departement Pendidikan dan Kebudayaan, 1985, hlm. 250.

merentangi lautan susu dengan mendukung gunung Mahameru di bahagian belakangnya, untuk melaksanakan tugas tersebut dewa Wisnu telah dibantu oleh seekor ular dengan melilit pada badannya agar tidak terlepas ke dalam lautan susu. Sehubungan dengan hal tersebut dewa Wisnu juga wujud sebagai penitisan berdasarkan perwujudannya untuk menyelamatkan dunia daripada kehancuran.¹¹ Pada hakikatnya terdapat 10 perwujudan dewa Wisnu yang terpenting sebagai *avatara* iaitu:

- a) Matsyawatara iaitu perwujudannya sebagai seekor ikan ketika menyelamatkan dunia pada saat dilanda banjir besar.
- b) Kurmawatara iaitu perwujudan dewa Wisnu sebagai kura-kura untuk mendapatkan kembali air *amrta* (air kehidupan) yang telah dirampas oleh raksasa bagi membolehkan para dewa kekal untuk selama-lamanya.
- c) Waharawatara iaitu menjelma sebagai babi hutan untuk meletakkan bumi ke tempat asalnya setelah ditenggelamkan oleh Hiranyaksa.
- d) Narasimhawatara iaitu menjelmakan diri sebagai makhluk separuh manusia dan separuh singa.
- e) Wamanawatara iaitu menjelmakan diri beliau sebagai manusia kerdil dan menentang Daitya Bali yang telah memerintah dunia dengan zalim dan kejam. Beliau telah memohon kepada Daitya Bali untuk memberikan tanah dengan keluasan seluas tiga langkah. Setelah diizinkan permohonan beliau maka dewa Wisnu telah menguasai tiga alam iaitu dunia, angkasa dan juga syurga.
- f) Parasuwatara iaitu penjelmaan diri dewa Wisnu sebagai Rama dengan senjata kapak dan telah memusnahkan Raja Krtawirya bersama dengan kesemua puteranya sebagai pembalasan terhadap penghinaan yang telah dialami oleh bapanya.
- g) Ramawatara iaitu penjelmaan diri dewa Wisnu sebagai Rama dan telah memusnahkan Rawana yang sebelumnya menimbulkan keadaan huru-hara dan kekacauan di dunia.
- h) Krsnawatara iaitu penjelmaan diri dewa Wisnu sebagai Krsna dan membantu golongan Pandawa untuk menentang Kaurawa.

¹¹ Ferdinandus, "Wisnu di atas Garuda ... ", hlm. 250-252.

- i) Buddhwatara iaitu penjelmaan diri dewa Wisnu sebagai Buddha untuk menyesatkan golongan yang memusuhi para dewa.
- j) Kalkiwatara iaitu penjelmaan diri dewa Wisnu Kalki (*kesatria*) dengan menunggang kuda putih sambil membawa pedang untuk mengamankan dunia sewaktu kejahatan dan kezaliman menguasai dunia.¹²

Dewa Wisnu sering kali juga digambarkan sedang duduk di atas burung *garuda*. Dewa Wisnu juga digambarkan satu wajah dan mempunyai empat pasang tangan ataupun lebih. Pada setiap daripada tangannya sering digambarkan memegang peralatan ataupun senjata seperti panah, *gada*, tongkat, *sankha*, tasbih, kain, tongkat dan pelangi. Di antara pengertian senjata yang dipegang oleh dewa Wisnu adalah seperti berikut:

- a) *Cakra*¹³ melambangkan sebagai putaran alam.
- b) Burung *Garuda* melambangkan kekuatan fikiran yang ada pada dewa Wisnu.
- c) *Sankha* melambangkan langit.
- d) *Gada* melambangkan langit.
- e) Sementara lapan tangan yang dimiliki oleh dewa Wisnu melambangkan sebagai lapan arah mata angin.¹⁴

4.2.3 Dewa Siwa

Kemunculan dewa Siwa sering kali dikaitkan dengan pertengkaran yang berlaku di antara dewa Brahma dan juga dewa Wisnu. Untuk meredakan pertengkaran tersebut dewa Siwa telah menjelaskan dirinya sebagai *lingga*. Kedua-dua dewa berkenaan telah bersetuju untuk menyelesaikan pertelingkahan dengan mencapai sama ada bahagian puncak ataupun bahagian dasar *lingga*

¹² Soekmono, *Pengantar sejarah kebudayaan...*, hlm. 29-30.

¹³ Di dalam *Rig Veda*, *Cakra* merupakan roda kereta dan menurut sebahagian sarjana mengatakan *cakra* merupakan sebuah senjata dewa Indra untuk mengalahkan *asura*. Lihat Ferdinandus, "Wisnu di atas Garuda dari Trawas...", hlm. 246.

¹⁴ Soekmono, *Pengantar sejarah kebudayaan...*, hlm. 48.

berkenaan. Sehubungan dengan hal tersebut dewa Wisnu telah menjelaskan dirinya sebagai babi hutan dan menyelam ke bahagian dasar untuk mencapai bahagian dasar *lingga* berkenaan. Sementara dewa Brahma telah menjelaskan dirinya sebagai burung angsa dan terbang untuk mencapai bahagian puncak *lingga* berkenaan. Malangnya kedua-dua dewa berkenaan telah gagal untuk mencapai sama ada bahagian puncak ataupun bahagian dasar *lingga* tersebut. Akhirnya dewa Siwa telah menjelaskan dirinya dan kedua-dua dewa iaitu dewa Brahma dan juga dewa Wisnu telah sujud kepadanya.¹⁵

Dewa Siwa merupakan dewa yang paling ditakuti kerana ianya merupakan dewa pemusnah. Di antara ciri yang terdapat pada dewa Siwa adalah seperti berikut:

- a) Tongkat yang dipegang oleh dewa Siwa melambangkan sebagai unsur kematian.
- b) *Trisula* yang dipegang oleh dewa Siwa melambangkan sebagai unsur pergabungan tiga dewa utama di dalam ajaran Hindu iaitu dewa Brahma, dewa Wisnu dan juga dewa Siwa sebagai dewa utama (dewa pencipta, dewa pemelihara dan juga dewa pemusnah).¹⁶
- c) Perisai yang dipegang oleh dewa Siwa melambangkan *dharma*.
- d) *Jatamahkota*¹⁷ yang dipakai oleh dewa Siwa melambangkan hak mutlak (kekuasaan) yang dimiliki olehnya.
- e) Bulan sabit yang terletak pada bahagian kepala dewa Siwa melambangkan sebagai simbol kedewaan.
- f) *Upawita* daripada ular yang merentangi badan dan juga pinggang dewa Siwa melambangkan sebagai lambang kemarahan dan keinginan untuk menindas segala unsur kejahatan.

¹⁵ *Sari Filsafat India...* hlm. 41.

¹⁶ Staff Jurusan Arkeologi Fakultas Sastra dan Kebudayaan, *op.cit.*, hlm. 65.

¹⁷ *Jatamahkota* merupakan hiasan seperti mahkota yang dipakaikan di kepala. Pada bahagian *jatamahkota* dewa Siwa kerap juga dihiasi dengan *ardhachandrakapala*.

- g) Kulit harimau yang kadangkala digambarkan dipakai oleh dewa Siwa melambangkan unsur nafsu.
- h) Lembu jantan yang mengiringi dewa adalah *vahana* dewa Siwa.
- i) Mata dengan jumlah yang terdapat pada bahagian dahi dewa Siwa merupakan ciri khusus dewa Siwa sendiri.¹⁸

4.3 Arca Dewa Ajaran Hindu Yang Dijumpai Di Lembah Bujang

Di antara arca dewa yang ditemui di Lembah Bujang terdiri daripada dewa Ganesha, Durga Mahisasura, *dwarapala*, sementara *vahana* yang ditemui adalah Nandi dan juga Kurma. Sehingga kini arca dewa Brahma, dewa Wisnu ataupun dewa Siwa tidak ditemui di sekitar Lembah Bujang dan ada kemungkinan juga arca berkenaan sekiranya ada telah musnah ataupun diperbuat daripada bahan yang mudah musnah seperti kepingan logam. Secara keseluruhannya kesemua arca yang berhubungan dengan ajaran Hindu ini diperbuat daripada batu granit (kecuali sebuah arca Ganesha dari Tapak 19 daripada Kampung Pengkalan Bujang) dan berdasarkan kepada kesan pahatan ianya dipahat dengan begitu kasar sehingga beberapa *atribut* daripada dewa berkenaan terpaksa diperhatikan dengan teliti untuk mendapatkan gambaran yang jelas.

4.3.1 Arca Dewa Ganesha

Dewa Ganesha merupakan anak daripada dewa Siwa dengan Parwati. Dewa Ganesha dianggap sebagai dewa ilmu pengetahuan, dewa kesuburan / pertanian dan dewa penyingkir rintangan-rintangan. Dewa Ganesha juga dikenali dengan pelbagai nama di antaranya Ganapati, Ekadanta, Lambodara, Vighnesvara, Viravighnesa serta beberapa nama lainya.¹⁹ Dewa Ganesha juga merupakan di antara dewa yang popular untuk disembah di kalangan penganut Hindu. Sebelum sesuatu

¹⁸ van Lohuizen-De Leeuw, *op.cit.*, hlm. 273-275.

¹⁹ Staff Jurusan Arkeologi Fakultas Sastra, *op.cit.*, hlm. 69.

upacara keagamaan dilakukan pemujaan terhadap dewa Ganesha biasanya dilakukan terlebih dahulu kerana ianya dianggap sebagai dewa penyingkir segala rintangan sementara kewujudan dewa Ganesha sebagai Ganesapuja terdapat apabila upacara perkahwinan di dalam ajaran Hindu akan dilangsungkan.²⁰ Sementara itu kewujudan dewa Ganesha sebagai penyingkir segala rintangan juga dikenali dengan nama seperti Vighnesvara, kewujudannya sebagai dewa ilmu pengetahuan / kebijaksanaan dikenali sebagai Ganapati.²¹

Kewujudan dewa Ganesha adalah sebahagian gajah (terutama pada bahagian kepala) sementara bahagian badannya adalah manusia. Terdapat beberapa mitos yang menghubungkan dengan kewujudan dewa Ganesha. Di antaranya dikisahkan dewa Ganesha telah dicipta oleh dewi Parwati daripada salah satu bahagian tubuhnya dengan tujuan untuk melindungi beliau daripada bahaya. Kemudiannya dewa Siwa telah memenggal kepala Ganesha, setelah dewi Parwati menyedari hal tersebut dewa Siwa telah berjanji untuk menggantikan kepala Ganesha tersebut dengan kehidupan yang pertama dilihatnya. Dalam hal tersebut gajah adalah binatang pertama yang telah dilihat oleh dewa Siwa sewaktu mencari pengganti kepala Ganesha maka dengan hal yang sedemikian dewa Ganesha telah wujud dengan berkepala gajah. Kisah kedua mengenai kejadian Ganesha dikisahkan dewa Ganesha pada awalnya amat tampan dan kacak. Ketampanan dewa Ganesha tersebut telah membuatkan dewi Parwati merasa begitu cemburu sehingga beliau telah menyumpah agar dewa Ganesha wujud dengan berkepala gajah.²²

Berhubung dengan kewujudan / kelahiran dewa Ganesha ada dikisahkan di dalam kakawin *Samaradahana*:

²⁰ B.C Sinha, *op.cit.*, hlm. 151.

²¹ *Ibid.*

²² *Ibid.*, hlm. 151-152.

“... Dewa Siwa sedang melakukan tata dan digoda oleh dewa Karma dengan senjatanya pancawisaya. Godaan ini dimaksudkan agar dewa Siwa berkenan pulang ke sorga akan diserang oleh raksasa Nilarudraka. Dewa Siwa rindu kepada isterinya, dewi Uma, untuk melepaskan rasa rindu, Dewa Siwa menemui dewi Uma. Akhirnya dewi Uma hamil. Dewa Indra pura-pura menengok dewa Siwa yang baru pulang dari bertapa dengan mengedaraikan gajah. Dewi Indra terkejut melihat kedatangan dewa Indra, Mengenai hal ini, bersabdaalah dewa Siwa, bahwa bayi yang lahir nanti berkepala gajah. Bayi inilah yang nantinya dapat mengalahkan raksasa Nilarudraka”²³

Isteri dewa Ganesha adalah Siddhi dan Riddhi atau dikenali juga dengan *uma Bharati*, Sri (Laksmi), Pusti, Vighnesvari, Buddhi dan Kubuddhi. *Vahana* pada dewa Ganesha adalah *akhu* (tikus) ataupun *sinha* (singa). *Aksamala* yang ring mengiringi dewa Ganesha terdiri daripada kapak (*parasu*), *trisula* (tombak permata tiga), *modaka*, *sangkha* (siput), *ankusa*, *cakra*, *candra* (bulan) dan *inda*.²⁴ Dewa Ganesha juga sering digambarkan mempunyai tiga mata dengan mata yang ketiganya terdapat pada bahagian dahi sementara *ardhachandrakapala* ga terdapat pada mahkota yang dipakainya. Dewa Ganesha sering digambarkan mempunyai dua atau empat tangan. Salah satu daripada posisi tangannya emegang gading yang patah (*svadanta*) pada sebelah kiri sementara pada tangan ng lainnya memegang mangkuk dan belalai dewa Ganesha mengarah ke hagian kiri seolah-olah menghisap sesuatu daripada dalam mangkuk (*mandhalu*) tersebut.²⁵ *Upawita* yang sering dipakai oleh dewa Ganesha berupa ar sementara posisi duduk dan posisi kaki (*asana*) arca dewa Ganesha yang ring ditemukan adalah *sitanaka*, *maharajalila* dan *utkutikasana*.

Oka Astawa, “ Tinjauan arca Ganesha berdiri di Pura Jaksan Bedulu Gianyar, Bali ”, dalam *Simposium Ilmiah Arkeologi III, Ciloto 23-28 Mei 1983*, Jakarta : Departemen Pendidikan dan *Budayaan*, 1985, hlm. 314.

van Lohuizen-De Leeuw, *op.cit.*, hlm. 90.

Ayatrohaedi, *op.cit.*, hlm. 32.

Di Lembah Bujang arca Ganesha yang dijumpai berjumlah empat di mana dua ditemui di Tapak 4 (sebuah mempunyai bentuk sementara sebuah lagi tidak siap dipahat), sebuah arca Ganesha yang lengkap tetapi tidak diketahui dengan lengkap tempat jumpaan dan sebuah arca Ganesha lagi ditemui di Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang). Arca Ganesha yang dijumpai di Tapak 4 terbuat daripada batu granit sementara arca Ganesha yang dijumpai di Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang) terbuat daripada *terracotta*. Arca Ganesha yang ditemui di Tapak 4 bahagian belalainya amat jelas kelihatan dan ianya mengarah ke bahagian kiri, walau bagaimanapun pada bahagian hujung belalai tersebut telah hilang kesan pahatannya. Berdasarkan kepada posisi tangan kirinya yang seakan menadah ke atas diduga memegang *kamandhalu* dan belalai yang hilang pada bahagian penghujung tersebut sebenarnya sedang mengarah masuk ke dalam *kamandhalu* yang berisikan air ilmu pengetahuan. Arca Ganesha ini juga kemungkinan mempunyai lebih daripada dua tangan (berjumlah empat) di mana dua tangan lagi saling bersentuhan di antara satu sama lain di bahagian perut arca dewa Ganesha tersebut. Bahagian kedua-dua gading dewa Ganesha amat jelas kelihatan. Bahagian perut arca Ganesha ini kemungkinan ingin dipahat dalam keadaan buncit. Bahagian kaki arca Ganesha ini pula tidak kelihatan dengan jelas kerana tidak disudahi dengan sempurna ataupun tidak siap dipahat keseluruhannya.²⁶

Secara keseluruhannya kesan pahatan arca Ganesha yang ditemui di Tapak 4 ini agak kasar buatannya dan “ *Stylizes* ”. Sebahagian daripada sarjana berpendapat kedudukan kaki Ganesha ini berada di dalam keadaan saling bersentuhan di antara satu sama lain.²⁷

Arca Ganesha ini pada bahagian pertengahannya terutama pada bahagian kiri dan kanan terdapat ukiran yang berbentuk tiga segi. Ianya diduga merupakan

²⁶ Lihat foto 60.

²⁷ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Mohd. Yatim, *Warisan ...*, hlm. 69.

garis pemisah untuk bahagian badan, lengan dan perut. Atribut senjata yang menyertai arca Ganesha ini tidak kelihatan sama sekali. Kesan pahatan pada arca Ganesha ini menggambarkan seolah-olah arca Ganesha ini seperti disandarkan pada sebuah sandaran. Pada bahagian tengah daripada bahagian kepala arca ini juga terdapat kesan pahatan berbentuk segi tiga. Perlambangan tersebut kemungkinan melambangkan *ardhachandrakapala* (sama seperti ciri dewa Siwa). Berdasarkan kepada kesan pahatan / ukiran arca Ganesha di Tapak 4 pemahatnya telah menggunakan teknik pahat ke dalam sehingga arca Ganesha tersebut kelihatan timbul.

Di Tapak 4 ini juga terdapat sebuah lagi arca yang tidak begitu jelas imagnanya. Jika diamati dengan berdasarkan kepada *atributnya* maka arca tersebut diduga adalah Ganesha. Hal ini didasarkan kepada beberapa andaian yang kelihatan pada arca tersebut. Pertama pada bahagian ukiran yang berbentuk seperti belalai. Suatu hal yang menarik belalainya tidak mengarah ke bahagian kiri badan tetapi sebaliknya lurus sehingga ke bahagian bawah sebelah kanan. Kedua arca yang diduga sebagai Ganesha ini mempunyai perut yang seakan-akan cuba dipahat buncit sementara pada bahagian kakinya cuba diukir dengan posisi saling bersentuhan di antara satu sama lain. Arca Ganesha ini tidak disandarkan pada sandaran dan diperbuat daripada batu granit. Berdasarkan kepada teknik pahatan / ukiran ianya dipahat ke dalam sehingga arca yang diduga sebagai Ganesha tersebut agak timbul. *Atribut* lainnya yang perlu ada pada sesebuah arca (dalam hal ini arca Ganesha) tidak kelihatan disebabkan arca ini tidak sempat disudahi dan berada di dalam keadaan kasar. Diduga arca Ganesha ini tidak siap sepenuhnya²⁸ kemungkinan setelah terdapat beberapa kesalahan yang tidak disengajakan seperti belalai Ganesha tersebut digambarkan berada pada bahagian kiri arca tersebut dan bukannya mengarah ke arah kanan badan arca.

²⁸ Lihat foto 61.

Arca Ganesha ketiga adalah seperti yang telah ditemukan di Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang), arca Ganesha tersebut diperbuat daripada *terracotta*. Malangnya bahagian kepala daripada arca tersebut telah hilang, tetapi berdasarkan kepada *atribut* yang menyertai arca tersebut sememangnya lebih cenderung kepada *atribut* yang lazimnya terdapat pada arca Ganesha. Pada bahagian leher arca Ganesha tersebut terdapat kesan seperti kalung. Sebahagian daripada ahli mengatakan ianya adalah kalung mutiara.²⁹ Pada bahagian lengan dan juga bahu daripada arca tersebut juga terdapat beberapa *atribut* yang menyertainya tetapi tidak begitu jelas apakah perhiasan tersebut. Tangan kanan daripada arca Ganesha tersebut telah patah. Belalai arca Ganesha telah diukir / pahat bermula daripada bahagian yang berhampiran dengan leher tetapi sebahagian daripada belalai tersebut telah mengalami kesan patah dan hilang.³⁰ Berdasarkan kepada garis sambungan kesan pahatan / ukiran pada belalai tersebut diteruskan sehingga ke bahagian perut dan dibengkokkan ke arah kiri serta diduga belalai tersebut adalah sama seperti arca Ganesha pertama di Tapak 4 yang telah diuraikan pada bahagian awal iaitu menghisap sesuatu daripada mangkuk (*kamandhalu*) yang berada pada genggaman tangan kiri arca Ganesha. Pada penghujung dari belalai Ganesha yang menghampiri *kamandhalu* telah patah tetapi seperti yang telah diuraikan di atas kesan garisan yang masih terdapat memperkuatkan ianya merupakan belalai Ganesha. Perut arca Ganesha Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang) digambarkan dengan keadaan buncit dan pada bahagian bawah terdapat kesan bulatan yang diduga sebagai pusat. Jika diperhatikan pada bahagian perut arca terdapat satu garis yang melilitinya, berdasarkan kepada ciri *atribut* yang biasa menyertai arca Ganesha diduga ianya adalah *upawita* (diduga ular). Malangnya posisi kaki daripada arca Ganesha tersebut tidak dapat dilihat dengan jelas kerana telah patah dan hilang. Walau

²⁹ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Mohd. Yatim, *Warisan...*, hlm. 69.

³⁰ Lihat foto 63.

bagaimanapun pada sebelah kiri kaki arca Ganesha tersebut masih dapat dilihat dan berdasarkan kepada posisinya diduga berada di dalam posisi *maharajalila*.

Secara keseluruhannya arca Ganesha daripada Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang) yang diperbuat daripada *terracotta* ini telah dipahat / ukir dengan kasar dan diduga arca ini telah terjatuh sehingga sebahagian daripada bahagiannya telah hilang / patah terutamanya pada bahagian kepala, lengan kanan, belalai pada bahagian penghujung yang mengarah ke *kamandhalu* dan bahagian kaki. Berdasarkan kepada bahan buatan serta ukuran arca Ganesha Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang) ini diduga merupakan arca yang mudah alih (*achala*).

Arca Ganesha yang keempat adalah diperbuat daripada batu granit. Lokasi penemuannya yang sebenarnya tidak diketahui dengan tepat. Berdasarkan kepada *atribut* pada arca Ganesha ini jelas menunjukkan ianya adalah yang terlengkap baik dari segi *atribut* dan juga tiada sebarang kesan rosak. Teknik pembuatannya juga agak bagus dan rapi. Arca Ganesha tersebut dipahat dan diletakkan di atas *asana*.

Arca Ganesha ini mempunyai penutup kepala yang diduga adalah *sangkha*, mempunyai dua mata, terdapat dua kuping telinga yang jelas pada bahagian kiri dan kanan telinga sementara pada bahagian lehernya terdapat kalung. Belalai Ganesha ini dipahat mengarah ke arah kiri tangan yang memegang *kamandhalu* (posisi belalai dalam keadaan sedang menghisap sesuatu daripada *kamandhalu* yang sedang dipegang). Arca Ganesha ini mempunyai dua tangan dengan tangan kirinya memegang gadingnya yang patah. Jika diperhatikan dengan teliti gading pada bahagian kanan agak kecil berbanding dengan gading yang terdapat pada bahagian kiri. Pada sebelah kanan dan kiri daripada tangan Ganesha tersebut terdapat *atribut* yang diduga merupakan *upawita* (ular). Pada bahagian bawah daripada bahagian badan arca Ganesha tersebut terdapat kesan bulatan yang diduga adalah pusat. Posisi kaki Ganesha ini adalah *maharajalila*. Pada arca Ganesha ini

uga terdapat *atribut* gelang kaki pada kedua-dua belah kakinya. Sementara pada bahagian bawah *asana* terdapat hiasan *akhu* yang merupakan di antara *vahana* kepada dewa Ganesha.

Berdasarkan kepada kesan pahatan yang telah dihasilkan terhadap arca Ganesha, apa yang jelas setelah selesai proses pahatan arca ini telah mengalami proses penghalusan sehingga tiada sebarang kesan tajam pada setiap penjuru daripada arca tersebut. Jika diperbandingkan di antara keempat-empat arca Ganesha yang telah dijumpai di Lembah Bujang ternyata arca Ganesha pada lokasi terakhir ini amat halus kesan buatannya dan lengkap dengan atributnya. Arca Ganesha di tapak ini juga dipahat lengkap dengan *vahananya* iaitu *akhu* dan juga *asana*.

Dari segi bahan buatan arca Ganesha di Lembah Bujang berdasarkan kepadauraian yang telah dinyatakan dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu:

- i) Arca yang diperbuat daripada batu granit seperti yang telah ditemui di Tapak 4 lan dua buah arca Ganesha yang tidak dapat dipastikan lokasi penemuannya.
- ii) Keduanya adalah arca Ganesha yang diperbuat daripada *terracotta* seperti yang ditemui di Tapak 19.

Berdasarkan kepada aspek pembuatannya pula arca Ganesha yang telah dijumpai di Lembah Bujang dapat dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu:

- i) Arca Ganesha yang tidak siap untuk disudahi seperti yang ditemui pada Tapak 4 lan sebuah di tapak yang tidak dapat dikesan lokasinya.
- ii) Arca Ganesha yang telah siap dipahat seperti yang telah ditemui di Tapak 19 (walaupun ianya tidak mempunyai kepala, bahagian tangan kanannya dan kaki yang elah patah, tetapi diduga proses kerosakan tersebut terjadi kemudiannya) dan juga arca Ganesha yang telah siap dipahat (lokasi asalnya tidak diketahui).

Berdasarkan kepada pengamatan secara keseluruhan terhadap arca Ganesha yang terdapat di Lembah Bujang keseluruhannya berjumlah sekitar 4 buah didapati arca Ganesha yang lengkap kesan pahatannya serta *atribut* tidak mempunyai mata ketiga di bahagian dahinya ataupun *atribut ardhachandrakapala*. Sementara Arca Ganesha di Tapak 4 terdapat kesan tiga segi pada bahagian tengah dahinya yang diduga sebagai perlambangan mata ketiga dewa Ganesha ataupun sebagai perlambangan untuk hiasan *ardhachandrakapala*. Berdasarkan kepada ukuran dan juga saiz arca Ganesha yang terdapat di Lembah Bujang maka tiga buah arca Ganesha yang terdapat di Tapak 4 (Estet Sungai Batu), Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang) dan arca Ganesha yang tidak dapat dikesan lokasi penemuannya (diperbuat daripada batu granit bersaiz kecil) diduga merupakan arca yang bersifat *chala* iaitu mudah untuk dialihkan daripada satu tempat ke tempat lainnya sementara arca Ganesha yang ditemui di tapak yang tidak diketahui (diperbuat daripada batu granit) diduga merupakan arca *achala* iaitu arca yang tidak dapat dipindahkan dari satu tempat ke tempat lainnya berdasarkan kepada saiznya yang berat dan juga besar.

4.4 Arca *Sakhti* Ajaran Hindu Yang Dijumpai Di Lembah Bujang

Sakhti merupakan isteri kepada para dewa. Di Lembah Bujang arca yang berkaitan dengan *sakhti* dewa tiada ditemui dengan meluas melainkan *sakhti* dewa Siwa yang diwujudkan sebagai Durga Mahisasura. Pembahasan berhubung dengan *sakhti* di Lembah Bujang hanya ditumpukan kepada aspek seni arca yang didukung oleh *sakhti* itu sendiri dan kedudukannya pada sesebuah candi.

4.4.1 Arca Durga Mahisasura

Durga adalah merupakan *sakhti* kepada dewa Siwa. Dewi Durga juga dianggap sebagai dewi gunung yang juga dikenali sebagai Parwati. Durga juga dikenali sebagai dewi yang mempunyai perwatakan yang menakutkan, bahkan

beliau juga kebiasaannya dipuja sebagai dewi yang belum pernah berkahwin. Dewi Durga di dalam panthion ajaran Hindu digambarkan sebagai dewi yang amat cantik.³¹

Durga juga dikenali dengan berbagai nama di antara nama yang umum dikenali adalah Agni-Durga, Aparajita, Jaya-Durga, Jayanti, Maya dan Mahisasuramardini. Sementara *vahana* yang biasanya mengiringi dewi Durga adalah *sinha*, *sardula* dan *yali*. *Atribut* yang mengiringi dewi Durga pula terdiri daripada *ajina*, *gada*, *ghanta*, *sankha*, *savamala*, *suka*, *trisula* dan *vajra*.³² Kewujudan Durga yang paling dikenali dan paling ditakuti adalah sebagai Durga Mahisura (*mardhini*). Nama Durga adalah berasal daripada nama pathion Hindu (sanskrit) iaitu Mahisa adalah bererti kerbau yang telah dikalahkan oleh beliau sementara *asura* adalah *raksasa* yang telah muncul daripada mulut kerbau tersebut sementara *mardhini* pula bererti menghancurkan atau membunuh. Sewaktu para dewa dikalahkan oleh roh jahat, para dewa telah mengadukan hal tersebut kepada dewa Siwa dan Wisnu. Kemarahan dewa Siwa dan Wisnu telah nengeluarkan lidah api dan bergabung dengan lidah api daripada para dewa yang lainnya. Lidah api daripada dewa Siwa dan juga Wisnu telah melahirkan seorang lewi yang sangat cantik. Dewa Siwa telah memberikan *trisulanya*, dewa Wisnu telah memberikan *cakra*, Varuna memberikan tombak, *Karuta* telah memberikan tusur dan anak panah, Indra memberikan *vajra* dan *gantha* daripada gajahnya yang bernama Airawata, Yama memberikan *kamandhalu*, *kala* memberikan pedang dan bersisai, lautan susu memberikan kalung mutiara dan sepasang pakaian yang tidak dapat memusnahkan pemakainya, Vaisvakarma memberikan kapak yang mengilap serta senjata yang berbagai jenis dan bentuk serta baju zirah yang tidak ditembusi sebarang senjata. Haimavat memberikan seekor singa sebagai *vahana*, Kuwera memberikan kalung ular yang dihiasi dengan permata yang besar.

¹ van Lohuizen-De Leeuw, *op. cit.*, hlm. 83.

² *Ibid.*

Berbekalkan senjata yang telah diberikan oleh para dewa, beliau telah berjaya mengalahkan *asura* dengan menikamkan *trisula* pemberian dewa Siwa ke leher kerbau dan segera membunuh *raksasa* yang keluar daripada leher kerbau tersebut. Durga Mahisasuramardhini juga digambarkan dengan tangan yang bervariasi, memiliki tiga mata, dadanya membusung, pinggang ramping dan berdiri dalam keadaan *tribhanga* sementara rambutnya dilengkapi dengan *jatamahkota*. *Asura* pula digambarkan sebagai seekor kerbau dan berada di bawah kaki Durga. Kaki kanan dewi Durga Mahisasuramardhini biasanya berada di atas singa sementara kaki sebelahnya lagi memijak punggung kerbau. Pada sebahagian arca Durga, *vahananya* dipahat dalam keadaan sedang mencakar kerbau tersebut.³³

“The goddess Durga, as Mahisasura-marddini, should have ten hands, according to the silparatna, which describes her further as having three eyes; she should wear on her head a jata-makuta and in it there should be the chandrapkala or the digit of the moon. The colour of her body should be like that of atasi flower and the eyes should resemble the nilotpala or the blue lily; she should have high breasts and a thin waist and there should be three bends in her body (of the tribhanga variety). In her right hands she should carry the trisula, khadga, saktyayudha, chakra, and a stringed bow; and in the left hand the pasa, ankusa, khetaka, parasu and a bell. At her feet should lie a buffalo with its head cut off and with blood gushing from its neck. From within this neck should be visible the half emerged real asura bound down by the nagapasa of the Devi. The asura should be made to carry a sword and a shield although the Devi has already plunged her trisula into his neck and he is bleeding profusely. He should have a terrific look with khitted eye-brows. The right leg of the Devi should be placed on the back of her lion and her left leg should touch the buffalo-body of Mahisasura”³⁴

Selain daripada itu terdapat juga kisah berhubung dengan peranan dewi Durga sebagai penghancur segala kejahanatan:

“Pada zaman dahulu terjadi suatu peperangan yang

³³ Staff Jurusan Arkeologi Fakultas Sastra dan Kebudayaan, *op.cit.*, hlm. 66-67.

³⁴ T.A Gopinatha Rao, *Elements of Hindu iconography*, (part 2), New Delhi, 1985, hlm. 345-346.

berlangsung ratusan tahun lamanya antara para dewa melawan para tentara asura. Indra adalah raja daripada para dewa, sedangkan Mahisa merupakan kepala para asura. Dalam peperangan tersebut tentara dewa dapat dikalahkan oleh para asura. Karena kekalahan ini maka murkalah Dewa Siwa dan Wisnu, akhirnya beliau menciptakan suatu kekuatan yang besar bersama dewa-dewa lainnya, maka terciptalah seorang wanita cantik yang disebut Dewi Durga. Durga dalam perkelahiannya ini dilengkapi dengan senjata-senjata pemberian para dewa antara lain: trisula, cakra, sangka, sakti, dhanu, wajra, tongkat, pasa, khadga dan khetaka”³⁵

Berdasarkan kepada arca Durga Mahisasura yang ditemui di Lembah Bujang (Tapak 4), ianya adalah dipahat ke dalam sehingga meninggalkan keadaan yang menonjol keluar. Hanya sebuah arca Durga pernah ditemui di Lembah Bujang dan ianya dipahat daripada batu granit. Kesan pahatan ke dalam tersebut bermula daripada bahagian kepala sementara pada bahagian belakangnya seakan dibiarkan sehingga membolehkan objek yang dipahat kelihatan menonjol. Pada bahagian wajah arca Durga Mahisasura tidak kelihatan dengan jelas. Pada bahagian kiri dan kanan daripada wajah Durga seakan terdapat gumpulan yang diduga merupakan sebahagian daripada rambut dewi tersebut. Jika diperhatikan pada bahagian tubuh arca Durga Mahisasura ini berada di dalam posisi *tribhangga*, dengan bahagian bahu sebelah kiri agak terangkat sedikit berbanding dengan bahu pada bahagian kanan,³⁶ sementara pada kedua-dua bahagian kakinya pula agak membengkok ke kanan bermula dari bahagian pusat hingga ke bawah. Pada bahagian dada arca Durga Mahisasura di Lembah Bujang dipahat agak menonjol sehingga dapat diperkuatkan ianya adalah dewi perempuan (Durga Mahisasura), bahagian pinggangnya pula dipahat agak ramping. Jumlah tangannya pula berjumlah sekitar tiga, tangan kanan daripada arca ini kelihatan sedang mengenggam *gada* yang diarahkan ke atas dan *gada* tersebut disandarkan pada bahagian bahu sebelah kanan. Pada bahagian

³⁵ Nina Setiani, “ Sebuah arca Dewi (?) koleksi Pusat Penelitian Arkeologi Nasional,” dalam *Peremuan Ilmiah Arkeologi III, Ciloto 23-28 Mei 1983*, Jakarta : Proyek Penelitian Purbakalaan, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1985, hlm. 274.

³⁶ Lihat foto 64.

tangan kirinya pula tidak begitu jelas gambarannya, diduga ianya tidak sempat untuk disiapkan atau kemungkinan juga ianya telah mengalami proses alam. Tangan ketiganya pula berada pada bahagian kiri dan menghala ke atas. *Atribut* yang dipegang oleh tangan ketiga arca Durga Mahisasura ini pada sebahagian ahli digambarkan sebagai bulan sabit (*ardhachandra*).³⁷

Diduga juga tangan ketiga tersebut sedang memegang *trisula* iaitu tombak bermata tiga yang merupakan salah satu dari atribut senjata kepunyaan dewa Siwa yang telah diberikannya kepada dewi Durga sewaktu mengalahkan *asura*, kerana pada bahagian tengah yang dinyatakan sebagai bulan sabit oleh sebahagian ahli kemungkinan juga merupakan *trisula* kerana berdasarkan kepada bentuk tajam yang terdapat pada separuh lingkaran tersebut. Bahkan diduga juga berdasarkan kepada kesan pahatan yang ada ianya (*trisula*) dipahat dan diletakkan pada bahagian belakang arca tersebut dan bukannya posisi tangan yang sedang memegang *trisula*. Walau bagaimanapun kecenderungan yang jelas dan berdasarkan kepada *atribut* arca Durga *trisula* sememangnya dipegang oleh Durga dan hal yang sama juga adalah seperti yang digambarkan pada pahatan tangan ketiga arca Durga yang telah ditemui di Lembah Bujang. Kaki arca Durga Mahisasura ini pula dipahat dalam keadaan sedang menginjak kepala kerbau (*asura*). Sekiranya diperhatikan dengan teliti didapati pada sebelah kanan daripada arca Durga tersebut masih terdapat kesan pahatan yang diduga merupakan tangan keempat daripada dewa tersebut, tetapi ianya tidak begitu jelas kerana telah mengalami proses luluhawa. Secara umumnya jumlah tangan arca Durga Mahisasura yang telah dibahas khususnya yang dijumpai di Lembah Bujang berjumlah 4. Pahatan bentuk Mahisa pula sekiranya diperhatikan pada bahagian kiri tidak kelihatan sama sekali bentuk tanduk tetapi sekiranya diperhatikan dengan teliti di sebelah kanan daripada bentuk Mahisa terdapat kesan garis panjang yang diduga cuba dipahatkan sebagai bentuk tanduk kepunyaan Mahisa. Secara

³⁷ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Mohd. Yatim, *Warisan....*, hlm. 64.

keseluruhannya pahatan Mahisa di Lembah Bujang tidak digambarkan dengan lengkap **seluruh** badan melainkan hanya dipahat bahagian kepala sahaja.

4.5 Arca *Vahana* Yang Dijumpai Di Lembah Bujang

Arca *vahana* yang dijumpai di Lembah Bujang berjumlah dua buah dan kedua-dua arca berkenaan telah dijumpai di Tapak 4. *Vahana* adalah arca ataupun haiwan yang merupakan kenderaan kepada para dewa. Di Lembah Bujang arca *vahana* yang dijumpai adalah Nandi dan juga Kurma. Kedua-dua arca ini diperbuat daripada batu granit.

4.5.1 Arca Nandi

Nandi atau upun lembu jantan adalah merupakan *vahana* kepada dewa Siwa.³⁸ Nandi juga berperanan sebagai arca yang diletakkan pada bahagian luar daripada ruangan di mana arca Siwa atau perwujudannya sebagai *lingga* ditempatkan (menghadap bahagian *garbhagrha*). Arca Nandi juga biasanya diletakkan dalam keadaan yang berhadapan dengan arca Siwa atau lebih tepat sebelum memasuki ruangan yang menempatkan arca Siwa.³⁹

Di Lembah Bujang arca Nandi yang ditemui di Tapak 4 hanya mempunyai bahagian **kepala** sahaja. Arca Nandi ini pada bahagian depannya terdapat kesan terpotong dengan sesuatu yang tajam. Bahagian kepala arca Nandi ini terutamanya pada bahagian **hujung** terdapat sedikit bonjolan yang diduga adalah bahagian belakang **daripada** kepala arca Nandi berkenaan. Kedua-dua matanya jelas kelihatan pada **kedua** sisinya. Pada bahagian bawah daripada matanya terdapat bentuk **membujur** pada kedua sisinya yang diduga dipahat untuk menggambarkan bahagian **telinga**. Bahagian atas daripada arca Nandi tersebut dibentuk / dipahat

³⁸ Ayatrohaedi, (ed), *op.cit.*, hlm. 61.

³⁹ van Lohuizen-De Leeuw, *op.cit.*, hlm. 161.

dengan mendatar sementara pada bahagian dasarnya pula turut dipahat dengan mendatar sehingga membolehkan arca diletakkan dengan teguh tanpa bergoyang.⁴⁰

4.5.2 Arca Kurma (Dipa-Pitha)

Kurma ataupun dipa-pitha adalah merupakan *vahana* kepada dewa Wisnu. Kurma juga diwujudkan di dalam berbagai bentuk dan di antaranya sebagai kurmasana (*pitha*) atau dikenali juga sebagai “*tortoise-seat*”. Kurmavatara pula adalah kewujudan (kelahiran) kura-kura. Kurmavatara adalah berkaitan dengan kewujudan dewa Wisnu dalam bentuk kura-kura dan berperanan untuk mengaduk lautan susu. Di dalam mitologi Hindu, kura-kura tersebut bertanggungjawab untuk mendapatkan *amrita* yang berada di dalam lautan susu tersebut. Dalam hal ini dewa Wisnu telah diarahkan oleh para dewa yang lain untuk mengaduk lautan susu tersebut. Untuk melaksanakan tugas yang telah diberi dewa Wisnu telah menjelaskan dirinya sebagai seekor kura-kura dan dibantu oleh Vasuki yang bertindak sebagai tali yang mengikat Gunung Mandara dalam usaha untuk mengaduk lautan susu tersebut. Hasil daripada adukan tersebut telah muncul *amrita*, *soma*, *apsarasas* dan juga *halahala*. Sementara dewa Wisnu telah menjelma dalam bentuk manusia pada bahagian atasnya dengan mempunyai empat tangan sementara pada bahagian bawahnya pula berbentuk seperti kura-kura.⁴¹

Di Lembah Bujang arca kurma yang telah ditemui di Tapak 4 mempunyai bentuk yang membujur serta membulat pada bahagian atasnya. Di bahagian belakangnya terdapat kesan seperti ekor yang menonjol sedikit, bahagian belakang kakinya kelihatan dengan jelas sementara pada bahagian kepala dan membawa ke arah kanan terdapat sedikit pecahan sehingga kelihatan kaki bahagian hadapannya telah hilang atau disebabkan oleh proses alam. Sebahagian daripada para sarjana

⁴⁰ Lihat foto 65.

⁴¹ *Ibid.*, hlm. 147.

yang pernah melakukan penelitian di Lembah Bujang mengatakan ianya adalah merupakan *dipa-pitha*, iaitu perwujudannya sebagai kerusi kura-kura.⁴²

Berdasarkan kepada bentuk Kurma yang telah ditemui di Tapak 4 dari segi pembuatan dan pahatan kelihatan Kurma tersebut telah mengalami proses penghalusan dan tiada kesan tajam pada setiap sisi kurma tersebut. Teknik pahatannya pula kelihatan menggunakan pahatan ke dalam sehingga objek Kurma yang ingin digambarkan kelihatan menonjol. Hal tersebut dapat diperhatikan pada kesan pahatan yang terdapat di bahagian kaki Kurma berkenaan. Arca Kurma yang ditemui di Tapak 4 ini diduga merupakan artifak *chala* iaitu dapat dipindah-pindahkan dari satu tempat ke satu tempat lainnya. Seperti arca Nandi, arca Kurma ini juga diperbuat daripada batu granit.⁴³

4.6 Arca-arca Yang Berhubungan Dengan Bangunan Candi

Arca yang berhubungan dengan bangunan candi yang telah dijumpai di Lembah Bujang adalah arca *dwarapala* yang dijumpai di Tapak 35/36, arca *kala* yang dijumpai di Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam), arca *kala* yang dijumpai di Tapak 21/22 (Kampung Pengkalan Bujang), arca *kala* yang dijumpai di Tapak 33 (Kampung Sungai Mas) dan arca *kala* yang dijumpai di Tapak 18. Secara keseluruhannya arca ini diperbuat daripada batu granit. Pahatan *kala* di Lembah Bujang dapat dibahagikan kepada dua kategori berdasarkan kepada kesan pahatannya iaitu *kala* yang berbentuk arca dan juga keduanya *kala* yang dipahat sebagai pemegang tangga.

⁴² Michel Jacq-Hergoualc'h, *op.cit.*, hlm. 121.

⁴³ Lihat foto 66.

4.6.1 Arca *dwarapala*

Dwarapala merupakan arca yang seringkali diletakkan pada pintu masuk ke bangunan **candi**. *Dwarapala* merupakan tokoh penjaga pintu serta digambarkan di dalam **keadaan** yang amat menakutkan. *Dwarapala* tidak dapat dikategorikan sebagai **dewa** tetapi lebih cenderung sebagai pelengkap dan pengiring kepada arca para dewa. **Jika** sesebuah candi itu dikhkususkan untuk pemujaan terhadap dewi maka arca *dwarapala* yang menjaga pintu candi tersebut juga digambarkan dengan tokoh wanita.⁴⁴ Di antara *aksamala* yang mengiringi *dwarapala* pada kebiasaannya adalah *dantas*.

Secara **umumnya** arca *dwarapala* dapat dibahagikan kepada dua tokoh. Pertama adalah *Mahakala* dan keduanya adalah *Nandisvara*. *Mahakala* adalah juga merupakan perwujudan daripada dewa Siwa. Di dalam unsur *Trimurti* dewa Siwa merupakan dewa yang tertinggi disamping dewa Brahma sebagai dewa pencipta dan **dewa** Wisnu sebagai dewa pemelihara. *Mahakala* adalah bererti penjaga **waktu**,⁴⁵ hal tersebut adalah bersesuaian dengan sifat dewa Siwa sebagai dewa pemusnah. Waktu dianggap sebagai sesuatu yang boleh mengubah struktur tata alam yang **telah** ditetapkan kerana waktu sekiranya ditarik sebagai satu garis lurus akan **melalui** tahap permulaan, pertengahan dan akhir. Kemungkinan juga sebelum **mencapai** tahap akhir proses penghancuran boleh berlaku. Keterbatasan di dalam **ruang** dan waktu inilah yang menginsafkan manusia dengan sifat keagungan dan **kedahsyatan** manusia akan kekecilannya di dalam alam semesta.⁴⁶

Nandisvara atau *Nandikesvara* juga adalah salah satu daripada aspek dewa Siwa. **Di dalam** pengembaraannya *Nandisvara* juga diwujudkan di dalam

⁴⁴ van Lohuizen-De Leeuw, *op.cit.*, hlm. 84.

⁴⁵ van Lohuize-De Leeuw, *op.cit.*, hlm. 157.

⁴⁶ Soekmono, *Pengantar Sejarah Kebudayaan...* hlm. 32.

berbagai-bagai bentuk, di antaranya sebagai lembu jantan, keduanya diwujudkan sebagai manusia berkepala lembu dan ketiganya adalah perwujudan daripada sifat dewa Siwa itu sendiri yang juga dikenali sebagai Adhikaranandi.⁴⁷ Sebahagian daripada *aksamala* yang mengiringi *Nandisvara* adalah bermata tiga, berlengan empat, memakai pakaian daripada kulit harimau, memegang *trisula* dan sebuah *bhindipala* (sejenis tombak) digengam oleh kedua-dua tangannya. Salah satu daripada posisi tangannya adalah di atas kepala dan tangan yang lainnya dalam posisi *tarjanimudra*. Arca *Nandisvara* juga ada digambarkan sedang memegang parang, tangan kanan bahagian depannya dalam posisi *anjalamudra*, dikepalanya terdapat bulan sabit (*ardhachandrakapala*) dan rambutnya memakai *jatamahkota*.⁴⁸

Di Lembah Bujang arca *dwarapala* telah ditemui di Tapak 35/36. Arca *dwarapala* tersebut diperbuat daripada batu granit. Di antara ciri yang terlihat pada arca *dwarapala* tersebut menggambarkan tokoh lelaki, dalam hal ini ianya adalah sebagai sebahagian daripada aspek dewa Siwa. Dugaan tersebut dilakukan berdasarkan kepada posisi pinggang arca tersebut yang agak lebar. Kebiasaannya pinggang yang digambarkan pada arca yang berunsur dewi adalah agak ramping. Keduanya adalah bahagian dadanya tidak begitu ditonjolkan tetapi agak mendatar. Arca *dwarapala* ini digambarkan seperti memakai *jatamahkota*⁴⁹ dengan terdapat seperti subang pada bahagian sisi telinga kiri dan kemungkinan juga hiasan tersebut terdapat pada sisi telinga kanan (tidak dapat dilihat kerana arca *dwarapala* yang ditemui di Lembah Bujang telah mengalami proses luluhawa). Arca *dwarapala* ini pada wajahnya digambarkan dengan unsur yang menakutkan. Matanya berbentuk

⁴⁷ van Lohuizen-De Leeuw, *op.cit.*, hlm. 191.

⁴⁸ Staf Jurusan Arkeologi Fakultas Sastra dan Kebudayaan, *op.cit.*, hlm. 70.

⁴⁹ Secara kasar pada bahagian *jatamahkota* tersebut juga kelihatan seperti terdapat *ardhachandrakapala*. Ciri tersebut juga adalah merupakan sebahagian daripada ciri dewa Siwa. Walau bagaimanapun unsur tersebut terlalu kabur untuk dilihat kerana telah haus dan mengalami proses luluhawa.

bulat dan bengis. Bahagian lehernya seperti terdapat kesan pemakaian kalung. Bahagian tangan kanannya memegang *gada* sementara bahu kiri agak terangkat sedikit untuk disesuaikan dengan posisi tubuh *dwarapala* tersebut yang berada di dalam posisi *pratyalidha*. Pada bahagian pinggangnya terdapat lingkaran seperti tali pinggang (*upawita*) sementara posisi kaki kirinya agak terangkat sedikit.

Arca *dwarapala* di Tapak 35/36 ini dipahat dalam keadaan kaku serta dipahat dengan teknik timbul keadaan ini jelas kelihatan berdasarkan kepada arca *dwarapala* yang kelihatan timbul sementara latar belakangnya agak tenggelam berbanding dengan objek arca *dwarapala* tersebut. Sebagaimana yang telah dihuraikan di atas sebahagian daripada arca *dwarapala* tersebut telah agak haus terutamanya pada bahagian kepalanya. Arca *dwarapala* ini dipahat pada batu granit yang sengaja dilebarkan daripada arca yang ingin dipahat sehingga arca *dwarapala* tersebut diduga merupakan arca yang bersifat *achala*⁵⁰ dan tidak dapat dipindah-pindah daripada satu tempat ke satu tempat lainnya. Berdasarkan kepada posisi arca tersebut adalah diduga arca *dwarapala* di Tapak 35/36 merupakan bahagian terpenting daripada bangunan candi.

4.6.2 Arca *kala*

Kala pada umumnya terdapat pada bahagian atas pintu candi, ianya berfungsi sebagai pengusir roh jahat yang ingin memasuki bangunan candi.

*“Di antara makhluk-makhluk ajaib itu yang selalu terpanjang pada ambang pada ambang atas pintu atau relung adalah kepala kala yang juga disebut banaspati (=raja hutan)”*⁵¹

“Sejenis binatang yang dikenal dalam mitologi. Dalam arkeologi binatang ini digambarkan sangat seram, bermata

⁵⁰ Lihat foto 67.

⁵¹ Soekmono, *Pengantar sejarah Kebudayaan...*, hlm. 100.

*besar, mulut menganga sehingga terlihat taringnya yang besar menonjol. Kala ditempatkan di tengah bingkai atas pintu candi. Penggambaran kala selalu dilengkapi makara”*⁵²

Di Lembah Bujang temuan artifak yang dapat dikategorikan sebagai *kala* terdapat dalam jumlah empat. *Kala* pertama adalah seperti yang telah ditemukan di Tapak 18. *Kala* di Tapak 18 digambarkan dan dipahat pada bahagian kepalanya membentuk seperti singa dengan bermata dua serta diukir dengan bentuk bulat mempunyai hidung dan juga dipahat dengan rahang atas. Sementara pada bahagian mulutnya seperti sedang menjulurkan lidah. Pada bahagian bawah lidah tersebut dipahat seperti bergulung. *Kala* ini sebenarnya berperanan sebagai pemegang tangga ataupun diletakkan pada bahagian masuk ke dalam bangunan candi.⁵³ *Kala* di Tapak 18 ini diperbuat daripada batu granit sementara dari segi pembuatannya pahatan *kala* ini telah diperhalus sehingga tidak kelihatan kesan tajam pada setiap penjuru *kala* tersebut.⁵⁴

Kala kedua yang telah ditemui di Lembah Bujang adalah di Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam). *Kala* ini diperbuat daripada batu granit. Corak pahatan pada *kala* ini agak kaku. Pada bahagian atas kepala arca *kala* ini dipahat dengan agak mendatar, bahagian rambutnya seperti disulur dengan suluran daun, bahagian keningnya dibentuk dengan memanjang dan matanya dibentuk dengan bulat dan begitu menonjol sekali, hidungnya jelas kelihatan, pahatan pada kedua-dua pipi arca *kala* ini ditonjolkan sedikit, sementara rahangnya pula digambarkan hanya pada bahagian atas sahaja sementara rahang bahagian bawahnya tidak jelas kelihatan. Diduga pada bahagian bawah daripada rahang bahagian atas adalah merupakan lidah arca *kala* berkenaan. Lidah daripada arca *kala* tersebut kemudiannya dipahat sebagai *padma*. Pada bahagian dasar daripada arca *kala* ini

⁵² Ayatrohaedi , *op.cit.*, hlm. 40-41.

⁵³ Michel Jacq-Hergoualc'h, *op.cit.*, hlm. 164.

⁵⁴ Lihat foto 68.

dipahat dengan bentuk persegi empat. Diduga kesan pahatan persegi empat ini digunakan sebagai pasak kepada arca *kala* tersebut dan kegunaannya adalah untuk dilekatkan pada batuan lainnya. Berdasarkan kepada bentuk arca *kala* di Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam) ini diduga arca tersebut merupakan arca *chala*⁵⁵ iaitu arca yang dapat dipindah ataupun ditukar ganti.

Kala yang ketiga adalah ditemui di Kampung Sungai Mas, Kota Kuala Muda, Kedah. *Kala* ini mempunyai hiasan rambut dipahat seperti suluran bunga. Matanya dibentuk tidak terlalu menonjol sementara bahagian keningnya dan hidung jelas kelihatan berdasarkan kepada kesan pahatannya. *Kala* ini juga digambarkan mempunyai rahang bahagian atas sahaja. Berdasarkan kepada seni pahat pada *kala* ini, diduga ianya berperanan sebagai pemegang kepala tangga seperti pahatan *kala* yang telah ditemui di Tapak 18. Hal tersebut dapat dilihat pada bahagian pemegang yang dibentuk agak ke bawah serta landai bermula daripada bahagian kepala sehingga ke bahagian hujung. Bahagian pemegang tersebut juga adalah diduga merupakan lidah kepada *kala* yang dipahat. Hal ini didasarkan kepada gigi daripada *kala* tersebut yang jelas kelihatan pada bahagian tepi kiri dan kanan.⁵⁶ Gigi tersebut dipahat pada bahagian atas dan bawah. Pada bahagian tepi kiri dan kanan daripada lidah *kala* terdapat kesan pahatan dengan sedikit pemotongan bermula daripada bahagian atas sehingga ke bahagian bawah. Pada bahagian tengah atas daripada *kala* tersebut terdapat bahagian yang ditinggalkan dengan berukuran persegi empat. Bahagian ini diduga adalah merupakan penunjang / penguat kepada *kala* tersebut untuk disatukan pada bahagian struktur batu yang lain. Berdasarkan kepada saiz dan juga bentuknya adalah diduga *kala* yang dijumpai di Kampung Sungai Mas merupakan sebahagian daripada struktur bangunan candi dan bersifat *achala* iaitu tidak dapat dipindahkan ke tempat lain.

⁵⁵ Lihat foto 69.

⁵⁶ Lihat foto 70.

Kala yang keempat telah ditemukan di Tapak 21/22 (Kampung Pengkalan Bujang). Seperti temuan artifak *kala* di Lembah Bujang, *kala* di tapak ini digambarkan dalam bentuk yang tidak sekata permukaannya serta sudut sisinya. Pada bahagian tepi keping sehingga ke bahagian pipi sebelah kiri dibentuk agak ke dalam berbanding dengan bahagian pipi sebelah kanan yang dipahat agak membulat. Berdasarkan kepada ukiran pipi seakan ianya cuba diukir untuk menonjolkan bahagian pipi tersebut. Bahagian daripada rambut *kala* ini tidak begitu jelas kelihatan, sementara bahagian keping dan hidung jelas kelihatan pahatannya.⁵⁷ Mata *kala* dipahat dengan bentuk yang membulat, keadaan mulut daripada *kala* ini tidak begitu jelas kelihatan kerana telah haus. Pada bahagian bawah terdapat kesan pahatan yang diduga sebagai bahagian dagu *kala*.

Secara keseluruhannya *kala* yang telah dijumpai di Lembah Bujang adalah sekitar empat buah dan mempunyai persamaan di antara satu sama lain baik daripada segi bahan buatan maupun bentuk *kala* tersebut. Pertamanya *kala* di Lembah Bujang mempunyai bahagian penunjang / penguat pada sisi bahagian *kala* tersebut, contohnya adalah seperti *kala* yang telah ditemui di Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam) serta di Tapak Kampung Sungai Mas. Keduanya *kala* di Lembah Bujang mempunyai bahagian yang dipahat seperti suluran bunga, contohnya adalah seperti *kala* yang telah ditemui di Kampung Sungai Mas dan *kala* yang telah ditemui di Tapak 18. Ketiganya adalah dari segi peranan *kala* tersebut, Di Lembah Bujang arca *kala* yang ditemui dapat dibahagikan kepada dua kategori. Pertamanya sebagai penghias tangga (pemegang tangga) seperti yang telah ditemui terutamanya di Tapak 18 dan juga *kala* yang telah ditemui di Kampung Sungai Mas. Sementara *kala* yang telah ditemui di Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam) dan di Tapak 21/22 (Kampung Pengkalan Bujang) diduga adalah sebagai penjaga pintu / diletakkan pada bahagian tertentu di candi berdasarkan kepada

⁵⁷ Lihat foto 71.

bahagian yang dipahat menonjol (diduga sebagai penguat / pasak) pada bahagian belakang dari **pada kala** tersebut.

Walau bagaimanapun peranan daripada *kala* tersebut diduga adalah sama iaitu sebagai **Pengusir** kepada roh jahat daripada memasuki bangunan candi. Ciri keempatnya adalah *kala* yang mempunyai lidah, hal tersebut dapat dilihat pada jumpaan *kala* di Tapak 18 dan juga di tapak Kampung Sungai Mas. Bahagian lidah tersebut juga diduga adalah merupakan bahagian pemegang daripada tangga. Walau bagaimanapun *kala* yang telah ditemui di Tapak 21/22 (Kampung Pengkalan Bujang) agak sukar untuk dinyatakan sama ada ianya mempunyai lidah atau tidak kerana keadaannya yang telah haus kerana proses luluhawa. Kelima, *kala* di **Lembah Bujang** mempunyai mata yang sengaja ditonjolkan sebagai unsur untuk menakutkan. Keadaan ini diduga adalah sesuai sekali dengan peranan *kala* sebagai **pengusir** roh jahat. Keenam, *kala* di Lembah Bujang dipahat serta digambarkan mempunyai rahang atas sahaja manakala rahang bawahnya tidak kelihatan. **Kesan** pahatan ini dapat diperhatikan pada *kala* yang ditemui di Kampung **Sungai Mas**, arca *kala* di Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam), *kala* di Tapak 18 dan **arca kala** di Tapak 21/22 (Kampung pengkalan Bujang). *Kala* di Lembah Bujang dari segi pembuatannya dapat dibahagikan kepada dua kategori, pertama *kala* yang dipahat dalam keadaan kaku seperti yang terdapat di Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam) serta *kala* yang terdapat di Tapak 21/22 (Kampung pengaklan Bujang) dan keduanya adalah *kala* yang telah diperhalusi seperti yang terdapat pada *kala* di Tapak 18 dan juga pada *kala* yang telah dijumpai di Tapak Kampung **Sungai Mas**.

4.7 Arca Yang Berhubungan Dengan Ajaran Buddha Di Lembah Bujang

Penemuan sebanyak 9 buah artifak yang berhubungan dengan seni arca Buddha di **Lembah Bujang** telah membuktikan kepada kita bahawa ajaran Buddha juga pernah berkembang di Lembah Bujang selain daripada ajaran Hindu. Di

antaranya 6 buah arca telah ditemui di Tapak 21 dan 22 (1 buah arca gajah dan 5 buah berupa arca keagamaan), sebuah arca di Tapak 16 (arca keagamaan) dan dua buah arca di Tapak 33 (arca keagamaan).

4.7.1 Arca Buddha Dari Tapak 21/22 (Kampung Pengkalan Bujang)

Arca pertama yang akan dibahaskan adalah berpahatkan seekor gajah. Ianya diperbuat di atas sebongkah persegi empat daripada *terracota* dan berwarna merah. Arca gajah ini diduga merupakan sebahagian daripada ukiran yang melengkapi bangunan Candi Tapak 21 dan 22. Gajah ini dipahat dengan bentuk yang lengkap dan jelas kelihatan bahagian kaki, ekor dan juga belalainya.⁵⁸ Berdasarkan kepada kesan pahatan ianya dipahat dengan mengarah ke bahagian dalam sehingga kesan bentuk gajah jelas kelihatan.

Berdasarkan kepada kisah permulaan ajaran Buddha, sebelum beliau dilahirkan ibunya telah bermimpi pada malam hari seekor gajah putih telah mengelilinginya sebanyak tiga kali sambil membawa bunga teratai. Selepas itu gajah berkenaan telah memasuki ke dalam kandungannya melalui pinggang kanan.⁵⁹ Perlambangan gajah tersebut adalah unsur di mana bayi yang bakal dilahirkan itu akan membebaskan dunia daripada dosa.

Keduanya adalah arca Buddha yang dipahat di atas *terracotta*. Arca ini digambarkan dalam keadaan duduk di atas *padmasana*. Berdasarkan kepada kesan pahatan arca ini diukir ke dalam dan menggunakan benda yang tajam sehingga terdapat kesan penghalusan pada setiap bahagian. Bahagian kepala mempunyai *urnisa* yang agak direndahkan dan bentuk rambut tidak dapat dipastikan sama ada berkotak atau tidak. Walau bagaimanapun pada arca ini bahagian rambutnya tiada

⁵⁸ Lihat foto 72.

⁵⁹ *Sari Filsafat* ..., op.cit., hlm. 68.

sebarang hiasan. Telinganya dipahat dengan agak memanjang sehingga ke aras bahu dan di bahagian badannya terdapat selendang yang merentang dari bahagian kiri bahu ke kanan pinggang. Posisi tangan pada sebelah kanan merapat ke bahagian lutut kanan dan mengarah ke bawah sementara tangan kiri diletakkan di atas buku lali kaki kanan serta mengarah ke atas. Posisi yang sedemikian ini adalah perlambangan *bhumisparsamudra*.⁶⁰ Bahagian kakinya melipat dengan bahagian kaki kanan diletakkan di atas daripada kaki kiri.⁶¹ Posisi kaki sedemikian adalah biasa di dalam tradisi arca India Selatan.⁶² Bahagian mata arca ini agak sepit dan bibirnya dipahat dengan agak tebal. Arca ini dianggap berlanggam Cola dan diberi tarikh sekitar abad 10 hingga 11 M.

Arca Buddha kedua di Tapak 21 dan 22 (Kampung Pengkalan Bujang) juga diperbuat daripada *terracotta*. Arca ini agak parah kerosakannya akibat proses luluhawa. Berbeza dengan arca Buddha yang pertama tadi, arca Buddha ini ditempatkan di atas *singgahsana* dan terdapat tempat untuk bersandar. Kesan pahatan arca ini agak ke dalam sehingga arca Buddha tersebut agak menonjol. Teknik penghalusannya adalah sama seperti arca Buddha pertama. Arca ini dipahat bersama-sama dengan *padmasana*. Bahagian kepala daripada arca ini tidak dapat dihuraikan kerana haus akibat proses luluhawa. Bahagian badannya tiada dipahat selendang yang merentangi tubuh arca. Posisi tangan kiri dan kanan juga tidak dapat diperjelaskan kerana terdapat kesan patahan, walau bagaimanapun diduga ianya adalah *bhumisparsamudra*⁶³ seperti posisi tangan arca Buddha yang pertama. *bhumisparsamudra* merupakan perlambangan sewaktu sang Buddha memanggil bumi sebagai saksi sebelum beliau mencapai tahap Buddha.⁶⁴

⁶⁰ Lihat foto 73.

⁶¹ Posisi kaki sedemikian juga dikenali sebagai *padmasana*.

⁶² Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Mohd. Yatim, *Warisan...*, hlm. 54.

⁶³ Lihat foto 74.

⁶⁴ Ayatrohaedi, *op.cit.*, hlm. 15.

Bahagian kakinya dipahat melipat dengan kaki kanan diletakkan di atas kaki kiri. Arca ini diduga masih berlanggam Cola dan berusia sekitar abad 10 hingga 11 M.⁶⁵

Arca Buddha ketiga yang telah ditemui di Tapak 21 dan 22 (Kampung Pengkalan Bujang) adalah diperbuat daripada *terracotta*. Ianya mempunyai ketinggian sekitar 20 cm. Berdasarkan kepada kesan pahatannya ianya dipahat dengan teknik yang sama seperti kedua-dua arca Buddha yang terdahulu dan didirikan pada sebuah penyandar. Bahagian *urnisanya* dibentuk agak merendah dan rambutnya seperti ingin dibuat berbentuk berkotak-kotak tetapi tidak terlalu ketara disebabkan kesan hausnya yang parah. Bahagian matanya berbentuk sepit dan bibirnya dipahat dengan agak tebal. Arca ini dipahat dengan posisi berdiri dan inilah yang membezakannya dengan dua arca Buddha yang terdahulu. Bahagian badan dan kaki jelas kelihatan tetapi secara keseluruhannya ianya merupakan sebuah seni arca yang dipahat dengan kasar seolah-olah pemahatnya merupakan seorang yang belum berpengalaman di dalam bidang pemahatan arca. Bahagian tangan kiri melurus di sisi badan sementara tangan kanannya diarahkan ke bahagian dada. Walaupun penghujung tangan tidak dapat dikesan sikap *mudra* tetapi diduga ianya lebih cenderung untuk *mudra* iaitu *vitarkamudra*.⁶⁶ Arca ini juga diduga berusia sekitar abad ke 10 hingga abad ke 11 M.

Arca keempat yang ditemui di Tapak 21 dan 22 (Kampung Pengkalan Bujang) adalah Avalokitesvara yang diperbuat daripada *terracotta*. Arca ini mempunyai ketinggian sekitar 25 cm. Arca ini sangat kecil buatannya dan berdasarkan kepada kesan pahatan yang dapat dianggap halus serta saiznya yang kecil diduga ianya dibuat oleh ahli pahatan. Usia arca ini diduga sezaman dengan arca *terracotta* lainnya di Tapak 21 dan 22 (Kampung Pengkalan Bujang). Pada

⁶⁵ Nik Hassan Shuhaimi B. Nik Abdul Rahman, "Arca agama Buddha purba Semenanjung Malaysia: Penelitian ikonografi dan kronologi serta ertiannya" *JEBAT*, vol. 16, 1988, hlm. 24-25.

⁶⁶ Lihat foto 75.

bahagian kepalanya memakai seperti mahkota, bahagian telinganya dipahat agak labuh hingga ke aras bahu, matanya dipahat agak sepit. Posisi tangannya adalah *dharmaacakramudra*. Posisi kakinya disilangkan dan melunjur bahagian kirinya ke bawah dan dilapik dengan seakan *padma*.⁶⁷ Arca ini didudukkan pada sebuah padmasana dan dibuat penyandarnya. Di bahagian kiri dan kanan arca ini dihias dengan bunga teratai dan tangan sebelah kiri pada bahagian sikunya memaut bunga teratai berkenaan. Sebahagian daripada sarjana berpendapat ianya adalah berlanggam Pala daripada India Selatan.⁶⁸

Berdasarkan kepada kesan pahatan adalah diduga tiga arca Buddha daripada *terracotta* di Tapak 21 dan 22 (Kampung Pengkalan Bujang) adalah dibuat oleh masyarakat tempatan berdasarkan kepada kesannya yang agak kasar sementara arca Avalokitesvara ini pula diduga dibuat oleh seseorang yang mahir dalam seni arca dan kemungkinan bukan oleh masyarakat tempatan berdasarkan bentuknya yang agak halus.

Bentuk arca Buddha kelima yang dijumpai di Tapak 21 dan 22 (Kampung Pengkalan Bujang) diperbuat daripada gangsa. Arca ini bersaiz kecil dan diberikan dengan berbagai hiasan. Pada bahagian kepalanya diduga dihias dengan mahkota sementara posisi badannya adalah *tribhanga*.⁶⁹ Pakaiannya dipahat dengan corak berkedut. Hiasan yang dilekatkan pada bahagian tangan kiri dan kanan diduga adalah *padma*. sehubungan dengan hal tersebut diduga arca ini adalah Bodhisattwa Avalokitesvara (Padmapani).

⁶⁷ *Padma* sebenarnya mempunyai dua maksud, pertama sebagai tempat untuk duduk dan keduanya adalah bunga teratai.

⁶⁸ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Mohd. Yatim, *Warisan...*, hlm. 58.

⁶⁹ Lihat foto 76.

4.7.2 Arca Buddha Dari Tapak 16 (Kampung Pendiat)

Arca ini diperbuat daripada gangsa. Berdasarkan kepada seni buatannya arca ini begitu halus buatannya. Posisi badan arca ini adalah *tribhanga*, bahagian rambutnya dipahat dengan berkotak-kotak bersama dengan *urnisa* yang rendah. Arca ini diberikan pakaian seakan *dhoti* tetapi pada bahagian bahu kanan terbuka. Tangan kanannya berkeadaan *varadamudra* sementara tangan kirinya menggenggam kain *dhoti*.⁷⁰ Sebahagian sarjana berpendapat arca ini menggabungkan ciri budaya Sarnath dengan ciri tempatan. Alasan yang digunakan adalah *dhoti* ataupun *uttarasanga* tanpa berkedut merupakan ciri gaya Sarnath, tetapi gaya Sarnath *uttarasanga* menutup pada kedua-dua bahagian bahu arca yang dipahat. Sehubungan dengan hal tersebut arca ini kemungkinan merupakan gabungan di antara gaya Sarnath dan tempatan.⁷¹ Arca ini mungkin berusia sekitar abad 6 hingga abad 7 M. Secara tidak langsung arca ini juga merupakan arca yang tertua yang pernah ditemui di Lembah Bujang.

4.7.3 Arca Buddha Yang Dijumpai Di Tapak 33 (Kampung Sungai Mas)

Dua arca yang berunsur ajaran Buddha telah ditemui di Kampung Sungai Mas (Tapak 33) ini termasuk sebuah arca dewi dan sebuah arca kepala Buddha. Arca Hariti yang ditemui di Kampung Sungai Mas diperbuat daripada *terracotta*. Arca Hariti ini dapat dikenali berdasarkan kepada anak kecil yang didukungnya pada sebelah tangan kiri.⁷² Hal ini adalah bersesuaian dengan ciri dewi Hariti itu sendiri yang amat sukaan kanak-kanak.

“Hariti adalah seorang dewi dalam agama Buda. Asal

⁷⁰ Lihat foto 77.

⁷¹ Nik Hassan Shuhaimi B. Nik Abdul Rahman, “Arca agama Buddha...,” hlm. 15-17.

⁷² Lihat foto 78.

mulanya adalah raksasa pemakan anak kecil. Setelah disadarkan oleh Buda, ia berubah menjadi dewi pelindung anak-anak dan merupakan dewi kesuburan”⁷³

Arca Hariti yang ditemui di Lembah Bujang ini mempunyai ciri mahkota di atas kepalanya sementara pada tangan kanan tidak jelas objek yang cuba digambarkan pada hujung jarinya. Arca Hariti ini dipahat dengan *samabhaga* dan dipakaikan dengan pakaian *dhoti*. Arca ini seorang dewi dapat dikesan berdasarkan bahagian dadanya yang agak ditonjolkan.

Arca keduanya yang ditemui di Kampung Sungai Mas (Kampung Sungai Mas) adalah arca kepala Buddha. Malangnya pada bahagian hadapan muka arca tersebut tidak dapat di kesan kerana telah terpecah. Arca ini diperbuat daripada batu hijau. Hanya beberapa bahagian daripada kepala Buddha berkenaan sahaja yang dapat dikesan di antaranya bahagian rambutnya terdapat kesan dipahat dengan berkotak-kotak dan dipintal dengan berbentuk bulat. Bahagian matanya diduga tertutup rapat seolah-olah dalam keadaan semadi.⁷⁴ Arca ini diperkirakan berusia sekitar abad ke 7 M dan abad ke 9 M.⁷⁵

⁷³Ayatrohaedi , *op.cit.*, hlm. 35 dan lihat van Lohuizen-De Leeuw, *op.cit.*, hlm. 102.

⁷⁴Lihat foto 79.

⁷⁵Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Mohd. Yatim, *Warisan...*, hlm. 64.